



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 12/2024

SAMBUTAN TAHUN BARU

20 DISEMBER 2024 | 18 JAMADILAKHIR 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Pada hari Jumaat yang penuh keberkatan ini, marilah kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah Azza Wajalla yang telah mengizinkan kita tiba di ambang tahun baru 2025. Setiap hari baru,

minggu baru, bulan baru dan tahun baru yang hadir adalah nikmat dan peluang yang diberikan oleh Allah Taala untuk kita terus bernafas. Sebagai hamba-Nya yang bersyukur, nikmat ini sepatutnya digunakan untuk memperbaiki diri, meningkatkan ketakwaan dan memperbaiki segala amalan. Tahun baru bukan sekadar pertukaran angka, tetapi merupakan waktu untuk bermuhasabah dengan masa yang lalu dan membuat perancangan untuk masa depan. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Hasyr ayat 18:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ

اللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Yang bermaksud: *“Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (daripada amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.”*

Ayat ini mengajar kita supaya bermuhasabah dan membuat perancangan masa depan iaitu untuk bekalan hari akhirat. Mari kita bertanya pada diri, Apakah yang telah kita capai sepanjang tahun 2024? Apakah kita telah mendekatkan diri kepada Allah dengan ibadah yang ikhlas, menjaga silaturahim dan berbuat baik sesama manusia? Jika masih ada kekurangan, ini adalah masanya untuk berubah dan memulakan lembaran baru yang lebih baik.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala.

Pada asasnya, ulama berbeza pendapat tentang hukum menyambut tahun baru Masihi. Terdapat sebahagian ulama yang mengharamkan sambutannya kerana kaitannya dengan sejarah 1 Januari yang bersempena dengan nama Tuhan Permulaan (*God of Beginning*) yang bernama 'Janus'. Pada waktu itu, masyarakat Rom menyambutnya dengan melakukan korban, bertukar-tukar hadiah dan juga menghias rumah-rumah mereka. Mereka juga mengadakan pesta liar bagi menyambut tarikh 1 Januari tersebut.

Sebahagian ulama yang lain berpendapat, tahun masihi sudah menjadi suatu sistem yang diterima umum dan tidak berkait dengan penyerupaan agama lain. Kalendar Masihi ini meskipun bukan ciptaan orang Islam, namun telah dianggap sebagai sistem

kalender dunia. Oleh itu, adalah harus untuk menyambut tahun baru dan melafazkan ucapan selamat tahun baru sama ada kepada orang Islam atau orang bukan Islam. Jika terdapat majlis sambutan tahun baru, diharuskan untuk menghadirinya selagi majlis tersebut tidak bertentangan dengan syariat Islam.

Menjadi tradisi juga setiap kali hampirnya tahun baru masihi dan hijrah, kebanyakan individu meletakkan suatu azam baru yang hendak dicapainya pada tahun tersebut. Dalam konteks Islam, tidak ada salahnya untuk berazam pada tahun baru. Akan tetapi, luaskanlah azam baharu merangkumi perkara-perkara kebaikan dunia dan akhirat. Berusahalah di tahun baharu ini untuk meningkatkan ketakwaan dan memperbanyakkan amal ibadah, fardu dan sunat, serta beristiqamah dengan amal soleh sepanjang masa.

Lebih-lebih lagi sambutan tahun baru 2025 Masihi adalah bersamaan dengan hari pertama bulan Rejab 1446 Hijrah bersamaan dengan awal Januari 2025. Bulan Rejab adalah salah satu bulan haram dan digandakan pahala terhadap umat islam yang beramal pada bulan ini. Marilah kita mengambil kesempatan ini dengan semangat tahun baharu dan keberkatan bulan Rejab untuk kita menambahkan amalan kita sempena tahun baru ini.

Sidang Jumaat yang berbahagia.

Dalam kemeriahan sambutan tahun baru, janganlah kita lupa dengan nasib umat Islam yang sedang ditindas dan dizalimi seperti di Palestin dan Lubnan. Setiap hari ada saja yang syahid termasuk wanita, orang tua, kanak-kanak dan bayi. Mereka juga menderita kekurangan makanan, air bersih, ubat-ubatan dan tempat untuk berlindung. Oleh itu, sebagai lambang kebersamaan, mimbar menyeru agar sambutan tahun baru 2025 nanti diisi dengan kesedaran perjuangan masyarakat Palestin, di samping menjalankan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat seperti ceramah agama, forum, diskusi ilmiah, solat hajat memohon kesejahteraan umat Islam, berselawat atau apa jua majlis ilmu. Jauhi sebarang bentuk hiburan melampau kerana ia memang ditegah oleh syariat.

Kepada para ibu bapa, pantaulah anak-anak kita pada malam tahun baru. Hindarilah anak-anak kita daripada terjebak dengan pergaulan bebas, merempit, berkhalwat, mengambil bahan-bahan yang terlarang atas alasan sambutan tahun baru. Allah Azza Wajalla memberi amaran melalui firman-Nya dalam Surah Ghafir ayat 75:

ذَٰلِكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَفْرَحُونَ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ الْحَقِّ وَبِمَا كُنْتُمْ تَمْرَحُونَ ﴿٧٥﴾

Yang bermaksud: “(Lalu dikatakan kepada mereka setelah ditimpakan dengan azab seksa): "Balasan buruk yang demikian ini disebabkan kamu dahulu bersuka ria di muka bumi dengan cara yang salah (pada hukum Tuhan), dan disebabkan kamu bersenang lenang dan bermegah-megah dengan berleluasa (dalam maksiat).”

Sidang Jumaat yang dikasihi

Daripada khutbah pada hari ini dapatlah khatib simpulkan bahawa:

Pertama, keharusan menyambut Tahun Baru Masihi mestilah tidak melibatkan perkara-perkara yang haram seperti hiburan melampau, maksiat, merempit, berkhalwat dan mengambil bahan-bahan yang terlarang.

Kedua, tanamkan azam untuk mendapatkan keredaan Allah pada perkara duniawi dan ukhrawi.

Ketiga, sambutan tahun baru Masihi hendaklah diisi dengan aktiviti atau program yang bermanfaat kepada masyarakat seperti

kisah perjuangan Palestin, sejarah Islam, majlis-majlis ilmu, solat
hajat, doa selamat dan seumpamanya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.